

# Ambil tindakan terhadap peniaga naikkan harga

UM - 3/12/2021 m/d: 3

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri mengarahkan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) terus mengenakan tindakan ke atas peniaga yang menaikkan harga barangan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, seramai 2,200 penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah diarahkan melakukan pemantauan dan mengambil tindakan terhadap peniaga yang tidak beretika.

“Saya sudah beritahu tiada kompromi, adalah tidak beretika jika peniaga menaikkan harga barang ketika rakyat tengah susah.

“Saya pernah jadi Menteri KPDNHEP, saya tidak kompromi dan terus ambil tindakan,” kata beliau selepas merasmikan Program Jualan Keluarga Malaysia di Dataran Perpustakaan Lembah Pantai di sini semalam.



**ISMAIL Sabri Yaakob melawat gerai jualan sempena Program Jualan #KeluargaMalaysia di Dewan PPR Kerinchi, Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF AHMAD ZUBIR**

Selain itu, menurut beliau, kenaikan harga racun juga bukan alasan untuk peniaga menaikkan harga barang.

Katanya, kerajaan mengam-

bil langkah intervensi dengan memberikan insentif sebanyak RM62 juta untuk membantu petani membeli racun dengan sebelum ini mereka menerima

RM200 sebagai insentif kemudian ditambah RM100 lagi menjadi semuanya RM300.

“Yang kedua ramai pengusaha ladang ayam mengadu habis modal waktu pandemik dan kerajaan luluskan RM200 juta untuk pinjaman mudah tanpa faedah dan moratorium enam bulan,” katanya.

Seterusnya, Ismail Sabri berkata, bagi mencari penyelesaian kepada kenaikan harga barang, beliau akan mengengeruskan Mesyuarat Majlis Kos Sara Hidup Negara minggu depan.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, satu video berdurasi 15 saat yang memetik potongan ucapan beliau dalam satu majlis telah diedit untuk dimanipulasi oleh pihak tertentu.

“Disebar mengatakan kerajaan tidak mahu jawab apa masalah petani itu, itu tidak betul. Video itu diedit untuk tujuan manipulasi. Kerajaan tidak akan berlepas tangan dengan mengatakan bahawa ini adalah luar kawalan,” katanya.